

SIARAN MEDIA

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

“KEUSAHAWANAN KOPERASI MAMPU TINGKATKAN PENDAPATAN B40”

Lumut, 18 Februari 2020 – Institut Koperasi Malaysia (IKM) melalui pendekatan “Turun Padang” telah menganjurkan program Ke Arah Kemakmuran Bersama di 20 lokasi seluruh Malaysia dengan penyertaan seramai 5,000 orang peserta dari kalangan koperator dan usahawan. Program keusahawanan koperasi ini merupakan platform terbaik untuk meningkatkan kefahaman koperator melalui 5 Teras Strategik iaitu:

- a) Melonjakkan Pendapatan Koperasi-Liga Koperasi Jutaan Ringgit (MiRiCLe);
- b) Membangunkan Keusahawanan Koperasi;
- c) Membudayakan Aplikasi I.R 4.0;
- d) Membudayakan Keusahawanan Sosial & Aktiviti *Sustainable Development Goals* (SDG); dan
- e) Merejuvenasi Koperasi Secara Bersasar

Seiring dengan matlamat itu, IKM mengadakan Majlis Pelancaran Keusahawanan Koperasi yang telah dirasmikan oleh YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) di Marina Island Convention Centre (MICC), Marina Island Pangkor Resort & Hotel, Lumut, Perak.

Inisiatif ini adalah komitmen IKM di dalam membantu Kementerian untuk mencapai aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) yang bersifat inklusif dalam memberi penekanan kepada golongan B40, orang kelainan upaya (OKU), orang Asli/Asal, wanita, belia dan bumiputera dalam bidang keusahawanan melalui koperasi.

Menurut Dr Mohd Hatta, “*MEDAC telah mengatur strategi untuk memperkasa gerakan koperasi terutamanya dalam kalangan B40 dan masyarakat luar bandar termasuk menggalakkan penubuhan koperasi berasaskan komuniti. Koperasi perlu menjadi lebih kreatif, berinovasi, sentiasa memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu bagi memacu pertumbuhan ekonomi*”.

“Bersempena pewartaan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai tahun 2020, adalah diharapkan koperasi boleh mengambil peluang ini untuk menambah dan mempelbagaikan produk serta mempergiatkan lagi pemasaran dan promosi bagi meningkatkan pendapatan koperasi, katanya lagi”.

IKM juga bertekad untuk mengubah minda, kapabiliti dan kapasiti anggota koperasi supaya berdaya maju dan berpotensi untuk berjaya dalam bidang keusahawanan supaya koperasi mampu meningkatkan ekonomi negara. Ini penting bagi meningkatkan perolehan koperasi sebanyak RM100 bilion pada tahun 2020 seperti yang disasarkan dalam DKN 2030.

Maklumat lanjut mengenai jadual program keusahawanan anjuran IKM di seluruh negara serta maklumat-maklumat lain boleh dicapai melalui laman web IKM iaitu www.ikkm.edu.my.

Mengenai IKM

Institut Koperasi Malaysia (IKM) yang dahulunya dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan yang berperanan sebagai Peneraju Pusat Kecemerlangan Pambangunan Modal Insan gerakan koperasi melalui penyelidikan, pendekatan turun padang, latihan dan bimbingan bersasar di seluruh Malaysia. Berpusat di Petaling Jaya, IKM mempunyai lima buah cawangan keseluruhannya yang terletak di Sabah, Sarawak, Kuantan, Johor dan Alor Setar.

Untuk sebarang maklumat lanjut:

Unit Komunikasi Korporat, IKM
Tel : 03-7964 9172 / 016 9013564 (Normila)
Emel : ikmmedia19@gmail.com